MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

BILANGAN 6 TAHUN 2019

TARIKH	:	**20 JUN 2019 (KHAMIS)**
MASA	:	**9.00 PAGI**
TEMPAT	:	**BILIK CEMPAKA KUNING, MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**

HADIR

1.	Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, *S.I.S.,P.P.T.* (Yang Dipertua)	-	Pengerusi
2.	YDM Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun, *D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.* Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya Orang Besar Daerah Kuala Langat	-	Ahli Majlis
3.	Encik Wong Kim Loon	-	Ahli Majlis
4.	Encik Rosdi bin Meor Endut	-	Ahli Majlis
5.	Encik Mat Irwan bin Ismail	-	Ahli Majlis
6.	Encik Hamzah bin Abu Bakar	-	Ahli Majlis
7.	Cik Ang Lee Yong	-	Ahli Majlis
8.	Encik Ang Eu Liang	-	Ahli Majlis
9.	Encik Nadasan a/l Subramani	-	Ahli Majlis
10.	Encik Gan Yee Chin	-	Ahli Majlis
11.	Encik Teh Eng Teck	-	Ahli Majlis
12.	Encik Lim Tou Yih	-	Ahli Majlis
13.	Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman	-	Ahli Majlis
14.	Encik Munusamy a/l Erishin	-	Ahli Majlis
15.	Encik Razali bin Ahmad	-	Ahli Majlis
16.	Puan Nor Aishah binti Abdul Majid	-	Ahli Majlis
17.	Encik Sethupathy a/l Subramaniam	-	Ahli Majlis
18.	Encik Baharudin bin Misran	-	Ahli Majlis
19.	Puan Rahimah binti Harun	-	Ahli Majlis
20.	Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam	-	Ahli Majlis

21.	Encik Low Kok Hua	-	Ahli Majlis
22.	Puan Norhaninawati binti Mohd Yusof	-	Ahli Majlis
23.	Puan Siti Nor Eaini binti Nasuka	-	Ahli Majlis
24.	Encik Yunis Khalis binti Abdul Manap	-	Ahli Majlis
25.	Encik Mohd Yasin bin Alwi, *A.I.S.*	-	Setiausaha

TURUT HADIR

1.	Puan Nurfadhilah binti Jalaludin	-	Wakil Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan
2.	Encik Kamarulzaman bin Ahmad, *P.J.K.*	-	Pengarah Jabatan Perbendaharaan
3.	Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, *P.P.T.*	-	Pengarah Jabatan Kejuruteraan
4.	Tuan Haji Arpaaii bin Haji Sanat, *A.M.S, P.P.T., P.K.T.*	-	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan
5.	Tuan Haji Zailani bin Hashim, *P.P.T., P.K.T.*	-	Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan
6.	Encik Hishamuddin bin Ismail, *P.P.T.*	-	Pengarah Jabatan Pelesenan
7.	Encik Syamsol Herwan bin Ahmad	-	Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran
8.	Puan Lisawati binti Abd. Karim	-	Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
9.	Puan Norain binti Mohamad	-	Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat
10.	Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap	-	Pengarah Jabatan Landskap
11.	Puan Nordila binti Yasir	-	Pengarah Jabatan Penguatkuasaan
12.	Tuan Haji Fauzi bin Din, *P.J.K.*	-	Ketua Unit Perundangan
13.	Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim	-	Ketua Unit OSC
14.	Puan Mohaneswary a/p Batumalai@ Subaramaniam	-	Ketua Unit Audit Dalam
15.	Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan	-	Ketua Unit Korporat dan Perhubungan Awam

16.	Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin	-	Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
17.	Encik Muhammad Asyraf bin Mohammad Jasni	-	Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan
18.	Tuan Haji Ngadni bin Mohamad, , PJK	-	Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan

DIJEMPUT HADIR

1.	Yang Berhormat Tuan Lau Weng San ADUN Banting	-	Pemerhati
2.	Encik Wong Peng Khoon	-	Best Eternity Recycle Technology Sdn. Bhd.
3.	AR. Ehwan Saring	-	Arkitek Ehwan Sdn. Bhd.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1.	Encik Haridass a/l Ramasamy	-	Ahli Majlis

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

1.	Encik Abdul Mutalib bin Mohd Yunus	-	Penolong Pegawai Tadbir
2.	Puan Nur Hazlynda binti Sahimi	-	Pembantu Setiausaha Pejabat
3.	Puan Rosmawati binti Othman	-	Pembantu Setiausaha Pejabat
4.	Encik Mohd Sahlan bin Tukiran	-	Pembantu Operasi

PERKARA	TAJUK PERKARA		TINDAKAN
1.0	**BACAAN DOA**		
	Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Tuan Haji Fauzi bin Din, Ketua Unit Perundangan.		**Makluman**
2.0	**TAKLIMAT BERHUBUNG PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG MENGIKUT SEKSYEN 21 AKTA 172 BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN HUB INDUSTRI KERTAS DAN PULPA DI ATAS PT.473 KAWASAN PERINDUSTRIAN MAHKOTA, PEKAN SUNGAI MANGGIS, DAERAH KUALA LANGAT OLEH BEST ETERNITY RECYCLE TECHNOLOGY SDN. BHD. (BERT)**		
	2.1	Profil Syarikat • BERT merupakan anak syarikat Lee&Man Paper Manufacturing Limited. • Lee&Man Paper ditubuhkan pada tahun 1994. • Disenaraikan di papan utama Bursa Saham Hong Kong (Code: 02314) pada 2003. • Merupakan kilang kertas kedua terbesar di China. • Mengeluarkan kertas pembungkusan, kertas tisu dan pulpa. • Perolehan : 3.3 bilion USD, Keuntungan bersih : 0.6 bilion USD (2017)	**Makluman**
	2.2	Lee&Man Paper mampu menghasilkan sehingga lebih dari RM6.05 juta tan kertas pembungkusan, 725,000 tan kertas tisu dan 180,000 tan pulpa, dengan kapasiti 7 juta setiap tahun.	**Makluman**
	2.3	Pengenalan BERT BERT merupakan syarikat kitar semula pulpa dan kertas profesional antarabangsa yang ditubuhkan pada bulan Mei 2018. Matlamat kami adalah membina kilang Eco kelas dunia di Malaysia.	**Makluman**

	2.4	Adakah operasi kilang kertas menjejaskan suhu persekitaran sekeliling? • Kilang ini menggunakan teknologi moden terkini untuk memulihara haba dalam proses pembuatan kertas. • Semua dandang dan loji rawatan termal ditempatkan di dalam bangunan tertutup dan terlindung serta memastikan kecekapan tenaga tertinggi untuk meminimumkan kehilangan haba ke kawasan sekitar di mana tenaga adalah kos yang mahal. • Kilang ini telah menjalankan pemantauan dan simulasi suhu iklim dalam sempadan premis dan 2KM dari kilang. Suhu tetap tidak berubah di dalam kawasan kilang dan kawasan sekitarnya. • Tenaga dari jumlah stim yang dihasilkan di kilang hanya dapat meningkatkan suhu udara sekeliling 0.001°c.	**Makluman**
	2.5	Adakah kilang kertas memproses apa-apa bahan kimia yang mungkin mengandungi bahan-bahan logam berat/berbahaya? • Kebanyakan bahan mentah yang digunakan adalah buangan kertas, pulpa, kanji yang merupakan sumber organik semulajadi. • Proses pengeluaran kilang ini adalah pulpa mekanikal, tidak perlu menambah bahan kimia yang berbahaya dan tidak mengandungi logam berat di dalamnya. • Kilang ini tidak menggunakan sebarang logam berat/bahan berbahaya dalam proses pembuatan kertas.	**Makluman**
	2.6	Operasi Loji Rawatan Termal dengan membakar residu akan menyebabkan kesan yang berbahaya kepada alam sekitar? • Loji Rawatan Termal kilang ini menggunakan bahan api yang boleh diperbaharui iaitu biomas (residu kertas, tempurung kernel kelapa sawit, cip kayu dan lain-lain) untuk menjana elektrik atau stim yang akan digunakan kilang kertas yang mematuhi "penggunaan tenaga yang boleh	**Makluman**

		diperbaharui". • Residu hanya <10% daripada jumlah bahan bakar dalam loji rawatan termal, sementara >90% bahan bakar adalah biojisim seperti tempurung kernel kelapa sawit, cip kayu dan lain-lain. Dengan nisbah campuran bahan api 10/90 ini, ia akan meminimumkan pelepasan gas kerana menggunakan sumber alam semulajadi. • Loji rawatan termal dilengkapi dengan teknologi baru di mana residu dibakar secara konsisten pada suhu tinggi >850° C di mana ia dapat membuang semua bahan berbahaya seperti dioksin. • Loji rawatan termal ditempatkan di dalam bangunan tertutup untuk meminimumkan kehilangan haba ke kawasan sekitarnya.	
	2.7	Adakah pelepasan efluen akan menyebabkan sebarang pencemaran ke Sungai Langat? • Kilang ini mengambil air dari Sungai Langat untuk operasi. Sungai Langat dikategorikan sebagai Kelas III yang bermaksud sungai ini sedikit tercemar dengan TSS >250ppm. • Pelepasan efluen yang dirawat lebih baik jika dibandingkan dengan keadaan semasa di Sungai Langat (terutamanya TSS <50ppm), yang menunjukkan sungai akan jauh lebih baik daripada keadaan air sungai sekarang. • Kilang ini bertekad untuk mematuhi Peraturan Standard A Environment Quality (Industrial Effluent) Regulations 2009 yang paling ketat.	**Makluman**
	2.8	Encik E. Munusamy ingin tahu jumlah pekerja di Best Eternity Recycle Technology Sdn. Bhd. *Dimaklumkan kilang ini membuka sebanyak 1,200 peluang pekerjaan di mana 20% daripadanya adalah warga asing.*	**Makluman**

	2.9	Encik Baharudin ingin tahu adakah pihak kilang akan bertanggungjawab sekiranya berlaku masalah pencemaran air dan udara. *Dimaklumkan pihak kilang akan bertanggungjawab sepenuhnya jika berlakunya sebarang pencemaran.*	**Makluman**
	2.10	Encik Ang Eu Liang ingin tahu adakah pihak kilang mempunyai perancangan untuk mengadakan sesi dialog bersama penduduk sekitar. Beliau juga berharap pihak kilang dapat menjelaskan kompaun dan mengikut syarat yang ditetapkan oleh PBT di masa akan datang. Berkenaan kertas buangan, adakah ia diimport dari luar negara. *Pihak kilang memohon maaf kerana memulakan kerja pembinaan tanpa mendapatkan kebenaran MDKL. Mesyuarat juga dimaklumkan pihak kilang terpaksa mengimport kertas buangan dari luar negara kerana stok di dalam negara tidak mencukupi. Selain itu, pihak kilang telah mengadakan satu dialog kecil bersama pihak sekolah dan NGO. Untuk dialog bersama persatuan penduduk, pihak kilang akan bekerjasama dengan Ahli Majlis kawasan.* *Encik Gan Yee Chin memaklumkan sesi dialog tersebut perlu melibatkan persatuan penduduk taman-taman yang terlibat.*	**Makluman**
	2.11	Encik S. Nadasan ingin tahu berkenaan gangguan bunyi yang mungkin akan berlaku apabila kilang ini beroperasi. *Dimaklumkan kawasan kilang adalah seluas 134 ekar. Proses yang melibatkan mesin-mesin berat akan diletakkan jauh dari kawasan perumahan (bahagian timur). Manakala gudang penyimpanan barang akan diletakkan bersebelahan kawasan perumahan dan sekolah.*	**Makluman**

3.0	**PEMBENTANGAN STATUS KEMAJUAN PEMBINAAN BANGUNAN PEJABAT BAHARU MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT OLEH ARKITEK EHWAN SDN. BHD.**	
	3.1 Ringkasan kemajuan kerja bagi kemajuan fizikal bagi kerja-kerja yang berkaitan pada bulan Jan 2018 sehingga 19 Jun 2019 :	**Makluman**

Kemajuan	Fizikal
Perancangan	52.95%
Sebenar	6.48%
Perbezaan	-46.47%
Jum. Hari Lewat	-229 Hari

Ringkasan kemajuan kerja pada 10 Jun 2019 :

Kemajuan	Fizikal
Perancangan	50.96%
Sebenar	6.09%
Perbezaan	-44.87%
Jum. Hari Lewat	-221 Hari

Kemajuan kerja bagi bangunan-bangunan sokongan – sehingga 19 Jun 2019 –

Bil	Nama Bangunan	Jadual	Semasa	Status
1	Pondok pengawal	29.63%	0.00%	Lewat 29.63%
2	Pencawang elektrik 1 tingkat	97.86%	44.00%	Lewat 53.86%
3	Rumah pam air	96.49%	21.43%	Lewat 75.06%
4	Loji kumbahan	64.91%	0.00%	Lewat 64.91%

Jadual ringkasan kemajuan kewangan pada bulan Jan 2018 sehingga 19 Jun 2019

Jumlah yang telah dibayar : RM3,096,996.17

		Peratusan Yang Telah Dibayar : 7.88% Nilai kontrak terlaras : RM39,227,817.48 Wang jaminan pelaksanaan : RM309,699.61 Mesyuarat dimaklumkan mengikut kontrak, segala kerja yang telah dilaksanakan (*physical progress*) perlu dibuat pembayaran. *Pengarah JP memaklumkan mengikut kontrak, pembayaran adalah untuk tempoh 24 bulan sahaja. Oleh itu, beliau memohon perkara ini dikaji semula.* *Encik Teh Eng Teck mencadangkan semua kerja di tapak termasuk kerja-kerja di bangunan sokongan dihentikan buat sementara waktu.* *Encik Rosdi memaklumkan tempoh empat bulan untuk kerja analisis dan dokumentasi terlalu lama.* *Tuan Pengerusi memaklumkan Mesyuarat Pagi yang lalu telah bersetuju untuk melantik pihak IKRAM bagi melaksanakan ujian semula PDA dan PIT.*	
4.0	**UCAPAN PENGERUSI**		
	Tuan Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran YDM Orang Besar Daerah, YB. ADUN, Ahli-ahli Majlis, Timbalan Yang Dipertua dan Pengarah-Pengarah Jabatan pada mesyuarat hari ini. Dalam ucapannya, Tuan Pengerusi memaklumkan perkara-perkara berikut:		
	4.1	Merujuk kepada keratan akhbar Utusan Malaysia bertarikh 17 Jun 2019 berkenaan pemasangan papan tanda jalan dalam Bahasa Cina di Tanjung Sepat, Tuan Pengerusi memaklumkan tajuk akhbar tersebut tidak menepati dan mengambarkan situasi yang sebenar di mana pihak Exco mengeluarkan arahan untuk penambahan bahasa dan bukannya penukaran ke Bahasa Cina.	**Makluman**

	4.2	Pihak Majlis berjaya menangkap beberapa individu atas kesalahan membuang sampah di tepi jalan. Kes terbaru adalah di Bandar Saujana Putra di mana dua individu telah ditangkap kerana membuang kulit buah durian di tepi jalan.	**Makluman**
	4.3	Program Pembersihan Pantai Negeri Selangor Peringkat Daerah Kuala Langat akan diadakan pada 22 Jun 2019 (Sabtu).	**Makluman**
	4.4	Jamuan Hari Raya Aidilfitri Tertutup MDKL akan diadakan pada 21 Jun 2019 jam 3.00 hingga 5.00 petang bertempat di Kediaman Rasmi Tuan YDP, Telok Datok.	**Makluman**
5.0	**PENGESAHAN MINIT MESYUARAT**		
	5.1	**MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT BILANGAN 5 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 16 MEI 2019**	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Razali bin Ahmad dan disokong oleh Puan Rahimah binti Harun dengan pindaan berikut: i. <u>Perkara 2.0 (m.s.5)</u> Pindaan Kenyataan - "Beliau juga membangkitkan mengenai kenyataan yang menyatakan tiada manipulasi pada keputusan *Pile Integrity Test (PIT)* dan *Pile Dynamic Analysis (PDA)* seperti dimaklumkan dalam mesyuarat tapak bilangan 5" **kepada** "Beliau juga membangkitkan mengenai kenyataan yang menyatakan tiada manipulasi pada keputusan *Pile Integrity Test (PIT)* dan *Pile Dynamic Analysis (PDA)* seperti dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan bilangan 4".	**Makluman**

6.0	**PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**		
	6.1	**<u>Cadangan Skim Bekalan Air Bersepadu (IWSS) Labohan Dagang, Kuala Langat</u>** Encik Ang Eu Liang ingin tahu adakah pihak perunding mempunyai cadangan jajaran paip yang baharu. Sekiranya ada, beliau mencadangkan pihak perunding dijemput untuk memberikan taklimat dalam satu mesyuarat khas. Puan P. Umananthini memaklumkan telah menerima aduan daripada penduduk Taman Sentosa, Seri Cheeding di mana pihak Gamuda Land telah meminta Juruukur untuk menjalankan *survey* di tepi rumah penduduk. *Tuan Pengerusi memaklumkan survey tersebut adalah prosedur biasa dan pihak Juruukur telah diminta untuk mengenal pasti kawasan lain yang belum dibangunkan.*	**Makluman**
7.0	**MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:**		
	7.1	**MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 6 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 JUN 2019**	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	**<u>Perkara 4.2 (m.s.3)</u>** Tambahan ayat – Encik Gan Yee Chin ingin tahu samada CCTV Bandar Selamat boleh difokuskan ke kawasan sampah haram. Beliau juga memaklumkan sudah tiba masanya MDKL menggunakan CCTV bergerak dan kos berkaitan dimasukkan dalam belanjawan yang akan datang.	**Makluman**

	ii.	**Perkara 4.2 (m.s.3)** Berkenaan CCTV di pondok jaga Tanjung Sepat, Encik Wong Kim Loon memaklumkan masih terdapat sampah haram di kawasan tersebut walaupun telah diletakkan tiga tong roro. Oleh itu, beliau mencadangkan CCTV tersebut disambungkan ke pejabat JPK untuk pemantauan. *Pihak jabatan akan membuat kajian kesesuaian.* *Cik Ang Lee Yong mencadangkan pemasangan CCTV di tiang TNB.*	**BTM**
	iii.	**Perkara 5.1.1 (m.s.4)** Encik Ang Eu Liang ingin tahu adakah pihak Kilang Best Eternity telah menjelaskan bayaran kompaun yang dikenakan. *Pengarah JKB memaklumkan pihak kilang telah menjelaskan bayaran kompaun sebanyak RM5, 000. Beliau juga memaklumkan kadar kompaun yang dikenakan adalah berdasarkan kerja yang telah dilaksanakan di tapak.*	**Makluman**
	7.2	**MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 6 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 JUN 2019**	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	Tuan Pengerusi memaklumkan pelantikan Pengerusi Induk PeBT yang baharu iaitu Encik Tan Wee King.	**Makluman**
	7.3	**MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 6 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 JUN 2019**	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	

	i.	**Perkara 3.8 (m.s.4)** Berkenaan isu sampah haram di Bandar Mahkota, Encik Gan Yee Chin mengucapkan terima kasih kepada JPSPKP dan JPK kerana menjalankan kerja pembersihan dan pemantauan di kawasan tersebut. Beliau memaklumkan ada penduduk menghantar emel kepada YB. ADUN Banting, YB. Ahli Parlimen dan YAB. Dato' Menteri Besar yang memaklumkan pihak Majlis tidak mengambil sebarang tindakan. Beliau telah meminta pihak PRO membalas emel tersebut beserta bukti bergambar kepada penduduk terbabit. Beliau juga ingin tahu pemilikan agensi terlibat bagi rizab lot tanah kosong tersebut. *Dimaklumkan ia adalah rizab jalan negeri dan di bawah seliaan pihak PTD.* *Encik Mat Irwan memaklumkan ganjaran sebanyak RM100.00 untuk pemberi maklumat sampah haram merupakan satu perkara yang amat baik dan jika menerima respon yang positif daripada orang awam, beliau mencadangkan kadar RM100.00 dinaikkan pada masa akan datang.*	**Makluman**
	ii.	**Perkara 5.3.1 (m.s.8)** Cik Ang Lee Yong memaklumkan kemudahan fasiliti di Pantai Morib perlu ditambah baik. *Pengarah JK memaklumkan kerja-kerja membaik pulih tembok yang rosak sedang dijalankan oleh kontraktor JPS.*	**Makluman**
	iii.	Cik Ang Lee Yong ingin tahu status lantikan kontraktor sampah pukal. *Pengarah JPSPKP memaklumkan perkara ini dalam proses tender di mana pihak jabatan telah menghantar anggaran kos ke UPUB untuk semakan.*	**Makluman**

	7.4	**MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 6 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 JUN 2019**	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	**Perkara 5.2.13 (m.s.8)** Encik Gan Yee Chin memaklumkan Jalan Olak Lempit hingga Kilang Genting Sanyen merupakan Jalan Persekutuan di mana jalan ini beroperasi pada tahap yang amat kritikal dan mengalami kesesakan lalulintas yang teruk pada waktu pagi dan petang. Beliau ingin tahu adakah pihak Majlis menerima sebarang perancangan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk melebarkan jalan tersebut atau menaik taraf sistem pengaliran longkang pada masa akan datang. *Pengarah JK memaklumkan dalam Majlis Tindakan Negeri Selangor yang lalu, pihak Majlis telah membangkitkan cadangan naik taraf Jalan Dengkil dan Banting. Pengarah JKR Negeri Selangor memaklumkan cadangan ini diberi keutamaan di tempat ketiga untuk dilaksanakan dalam RMK-12.*	**Makluman**
	7.5	**MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 6 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 JUN 2019**	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	Encik Baharudin memaklumkan memandangkan MDKL akan dinaik taraf ke Majlis Perbandaran, beliau mencadangkan kadar elaun Ahli Majlis dinaikkan. Untuk bajet tahun hadapan, beliau mencadangkan setiap Ahli Majlis mempunyai Pusat Khidmat Ahli Majlis beserta seorang Setiausaha. Beliau juga memohon pihak JP memberikan laporan	**Makluman**

		wang GST yang dipulangkan oleh Jabatan Kastam kepada Ahli-Ahli Majlis.	
	7.6	**MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 6 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 JUN 2019**	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	**Perkara 4.1.1 (m.s.4)** Berkenaan laporan kes pecah rumah dan curi (PRC), Encik E. Munusamy memaklumkan laporan ini perlu disemak semula kerana di Dun Sijangkang kawasan Telok Panglima Garang, kes PRC sahaja mencatat sebanyak 23 kes pada bulan Mei.	**Makluman**
	7.7	**MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 6 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 JUN 2019**	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	**Perkara 5.3.1 (m.s.19)** Tambahan ayat – Mesyuarat memutuskan walaupun perkara ini masih tiada arahan atau pekeliling daripada Kerajaan Negeri, ia akan diserahkan kepada Local Agenda 21 untuk promosi.	**Makluman**
	ii.	**Perkara 5.1.1 (m.s.18)** Puan Rahimah memaklumkan cadangan permit perniagaan lemang sebanyak RM500.00 terlalu tinggi dan membebankan peniaga. *Tuan Pengerusi memaklumkan cadangan kenaikan kadar tersebut bertujuan untuk memberi kesedaran kepada peniaga yang kebanyakannya bersikap sambil lewa dalam menguruskan sampah selepas berniaga. Pihak Majlis juga bercadang untuk membina satu*	**Makluman**

		tempat khas berhampiran kawasan Restoran Mc Donald's untuk menempatkan peniaga-peniaga lemang.	
	iii.	**Perkara 5.2.1 (m.s.18)** Encik Ang Eu Liang mencadangkan penambahan pasukan menangkap anjing liar pada tahun hadapan.	**Makluman**
	iv.	**Perkara 5.3.1 (m.s.19)** Encik Ang Eu Liang memaklumkan dasar pengurangan penyedut minuman plastik akan dimulakan pada bulan hadapan. Walau bagaimanapun, beliau tidak nampak sebarang publisiti dijalankan.	**JPP**
	v.	**Perkara 5.5.1 (m.s.19)** Encik Ang Eu Liang memaklumkan banyak kilang haram tidak dapat membuat penyambungan lesen sementara dan telah memberi masalah terutamanya kilang yang menjalankan aktiviti eksport yang tidak dapat menjalankan operasi. Beliau juga mendapat maklumat Majlis Perbandaran Klang ada memberi lesen sementara kepada kilang-kilang haram tertentu kecuali kilang plastik. *Tuan Pengerusi memaklumkan arahan Kerajaan Negeri jelas menyatakan tiada lagi penyambungan untuk pemutihan kilang haram (pembinaan/pengoperasian).* *Berkenaan Kilang Leoch Accupower, pihak Majlis telah menerima surat daripada Ketua Pengarah JAS yang memaklumkan sekatan untuk menjalankan operasi telah ditarik balik.* *Mesyuarat juga memutuskan kuasa untuk menandatangani lesen tred berisiko diberi mandat kepada Tuan Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua.*	**Makluman**

8.0	**MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:**		
	8.1	**MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BIL 9 TAHUN 2019 MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 3 MEI 2019**	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	**Makluman**
	8.2	**MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BIL 10 TAHUN 2019 MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN 17 MEI 2019**	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	**Makluman**
9.0	**PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN**		
	9.1	**KERTAS MESYUARAT NO.1** **PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM SELARAS DENGAN SEKSYEN 13, AKTA 172 BAGI CADANGAN PENGUBAHAN 1 RANCANGAN TEMPATAN KUALA LANGAT 2030 (RTKL 2030)** Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan mesyuarat. *Cadangan Program Publisiti dan Penyertaan Awam Di Bawah Seksyen 13, Akta 172* i. Program Publisiti Awal terhadap DRTKL (Pengubahan 1) 2030 akan diadakan bermula pada 1 Julai 2019 hingga 31 Julai 2019. ii. Pemakluman kepada awam adalah seperti berikut: • Notis akhbar (tiga kali siaran) dalam akhbar Sinar Harian, Selangorkini dan New Straits Times. • Pemberitahuan dalam laman web Majlis dan *facebook*. • Banner, bunting dan poster di papan	**JPP**

		kenyataan majlis. • Surat hebahan kepada jabatan teknikal daerah, penghulu, ketua-ketua kampung dan edaran dalaman majlis. iii. Kaedah penerimaan maklumbalas: • Borang maklumbalas • Emel pegawai dan kakitangan terlibat • surat **KEPUTUSAN MESYUARAT** Mesyuarat bersetuju **meluluskan** kertas mesyuarat ini.	
10.0	**UCAPAN PENANGGUHAN**		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Puan Norhaninawati binti Mohd Yusof,		
	i.	Beliau mengucapkan salam dan selamat sejahtera kepada Tuan Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, YDM. Dato' Orang Besar Daerah, YB. ADUN Banting, Ahli-Ahli Majlis dan Pengarah-Pengarah Jabatan.	**Makluman**
	ii.	Beliau mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada beliau menyampaikan ucapan penangguhan pada mesyuarat hari ini. Beliau juga memaklumkan enam bulan pertama telah berlalu. Begitu banyak usaha, pencapaian serta kemajuan yang dilakukan bersama dalam memastikan Pihak Berkuasa Tempatan bagi daerah Kuala Langat menepati slogan "Selangor Maju Bersama".	

	iii.	Kualiti dan inovasi perlu dibudayakan. Pembudayaan ini merujuk kepada setiap aktiviti dalam Majlis daripada perkara yang paling kecil setiap hari kepada isu-isu besar. Pembudayaan ini bermakna kualiti dan inovasi menjadi satu kebiasaan sehinggakan tanpa disedari, kita akan melaksanakan kerja-kerja harian dengan sebegitu caranya. Pasti ada cabaran dalam usaha melaksanakan kualiti dan inovasi. Hakikat cabaran yang begitu nyata adalah nilai-nilai sivik yang begitu rendah dan lemah di kalangan penduduk sehingga mengakibatkan Pihak Berkuasa Tempatan terpaksa berhadapan dengan cabaran-cabaran dalam melaksanakan tanggungjawab. Sebagai contoh, isu pembuangan sampah dan sisa pepejal domestik seolah-olah episod permasalahan yang berterusan yang perlu dihadapi acap kali.	**Makluman**
	iv.	Pandangan beliau ialah satu usaha kesedaran di peringkat sekolah perlu dimulakan. Satu *task force* dalam mendidik anak-anak dari peringkat awal persekolahan perlu diwujudkan. Hasilnya bukan sekelip mata kerana ini melibatkan kesedaran diri. Mendidik anak-anak untuk mencintai kebersihan dan mencintai alam persekitaran amat penting.	
	v.	Beliau memaklumkan tindakan tegas seperti yang dinyatakan oleh Tuan Yang Dipertua dengan menangkap siperlaku, sita kenderaan, menahan lesen perniagaan jika membabitkan kilang adalah satu usaha untuk memberi kesedaran kepada siperlaku dan orang awam. Beliau juga mengucapkan syabas kepada MDKL atas pengumuman tawaran sebanyak RM100.00 untuk laporan aktiviti pembuangan sampah haram. Cadangan untuk menaikkan kadar seperti yang dinyatakan oleh Encik Mat Irwan wajar dipertimbangkan.	

	vi.	Selain itu, beliau memaklumkan cabaran di zon beliau amat besar. Pihak Majlis sedia maklum akan permasalahan *land settlement* atau mendapan tanah yang menjadi satu cabaran bagi beliau dalam menghadapi kedua-dua pihak iaitu penduduk dan pemaju. Oleh yang demikian, beliau amat mengharapkan sokongan penuh serta nasihat yang berterusan dari pihak Yang Dipertua dan MDKL dalam usaha beliau untuk memastikan masalah ini dapat ditangani dengan baik.	**Makluman**
	vii.	Permasalahan sosial juga amat serius di zon 3 seperti yang dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Mampan yang lalu, masalah samseng jalanan dan remaja yang berpeleseran di sekitar kawasan tasik Tropicana Aman dan Eco World. Pertama, remaja-remaja ini melakukan aksi merbahaya di jalan masuk dari Kota Kemuning. Kemudian, mereka berkumpul di sekitar kawasan tasik dan membuat bising sehingga mengganggu penduduk. Bukan itu sahaja, terdapat remaja perempuan di kalangan mereka yang turut berpeleseran sehingga larut malam. Diharap pihak Majlis, PDRM dan PAID dapat mengambil tindakan sewajarnya sebelum kejadian tidak diingini berlaku. Selagi lagi ditekankan, kebimbangan penduduk adalah di tahap serius dan mereka mengharapkan perhatian pihak yang terlibat.	
	viii.	Beliau mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan dan pentadbiran dalam usaha mengindahkan suasana Bilik Mesyuarat Cempaka Kuning. Begitu juga dengan penggunaan botol minuman kaca bagi mengantikan botol plastik mineral dalam usaha menyokong ke arah praktikal "bebas plastik" demi memelihara alam sekitar. Mudah-mudahan aura yang lebih baik dari segi muafakat dan persefahaman akan kekal malahan lebih terjalin antara Tuan Yang Dipertua, Ketua-Ketua Jabatan, Ahli-Ahli Majlis serta warga kakitangan sokongan MDKL.	
	ix.	Di samping itu, beliau bagi pihak rakan-rakan Ahli Majlis mencadangkan pemberian kain ela contohnya bercorak batik kepada setiap Ahli Majlis sebagai pemakaian khas dalam majlis-majlis rasmi MDKL.	

	x.	Dicadangkan juga satu lawatan Retreat Ahli Majlis ke Negara China iaitu ke Kilang Dongguan Lee&Man bagi mendapat gambaran serta pengalaman sementara menunggu kilang di daerah Kuala Langat siap sepenuhnya.	**Makluman**
	xi.	Akhir kata, beliau memohon maaf sekiranya terdapat sebarang salah dan silap atau keterlanjuran kata.	
8.0		**UCAPAN PENUTUP OLEH PENGERUSI**	
		Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.	**Makluman**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Daerah Kuala Langat

Tarikh : 25 Jun 2019

Disemak oleh :

.....

(MOHD YASIN BIN ALWI, *A.I.S.***)**
Setiausaha,
Majlis Daerah Kuala Langat

Disahkan oleh :

.....

(MOHAMAD ZAIN BIN A HAMID, *S.I.S.,P.P.T.***)**
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh .....
dan disokong oleh .....

PETUNJUK :

1. JKP	-	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP	-	JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH	-	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL	-	JABATAN PELESENAN
5. JPP	-	JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK	-	JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB	-	JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL	-	JABATAN LANDSKAP
9. JPM	-	JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK	-	JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP	-	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. BTM	-	BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
13. UU	-	UNIT PERUNDANGAN
14. UAD	-	UNIT AUDIT DALAM
15. OSC	-	UNIT PUSAT SETEMPAT
16. PRO	-	UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM
17. COB	-	UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
18. UPUB	-	UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN

lynda/mesyuarat mdki 6/2019